



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 10 APRIL 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 10 April 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **1,248 kes** (342,737 kes kumulatif, 95.4%);
- Kes baharu : **1,510 kes** (359,117 kes kumulatif);
- Kes import : **5 kes** (1 warganegara, 4 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **1,505 kes** [1,340 warganegara (89.0%); 165 bukan warganegara (11.0%)];
- Kes aktif : **15,059 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **194 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **81 kes**; dan
- Kes kematian : **8 kes** (1,321 kes kumulatif, 0.37%; 8 warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **415 kes (27.5 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **326 kes (78.6 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **296 kes (19.6 peratus)** dan Kelantan sebanyak **171 kes (11.3 peratus)**.

Sebanyak **34 kes (2.3 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan Depot Tahanan Imigresen (DTI) yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (13 kes), Kluster Tembok Tapah (11 kes), Kluster Depot Imigresen Semuja (6 kes), Kluster Tembok Mempaga (3 kes), dan Kluster Tembok Pengkalan Chepa (1 kes).

Terdapat lapan (8) kes kematian pada hari ini yang melibatkan empat (4) kes di Sarawak, tiga (3) kes di Selangor, dan satu (1) kes di Pahang. Kesemua kes melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 10 April 2021:

- Jumlah kluster : **1,451 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **9 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,108 kluster** (termasuk **8 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Pria, Kluster Jalan Mega Cemerlang, Kluster Jalan Industri Dua, Kluster Tapak Bina Damar, Kluster Jalan Perusahaan Tiga, Kluster Rantau Tanjung, Kluster Jalan Cochrane, dan Kluster Tapak Bina Lembah Subang**);
- Jumlah kluster aktif : **343 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **57 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Sungai Kluang Empat (30 kes), Kluster Rich Park (28 kes), dan Kluster Kampung Belaoh (24 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **sembilan (9) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan enam (6) kluster tempat kerja dan tiga (3) kluster komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Industri Jalan Kebun	Selangor	Tempat Kerja
2	Pujut Satu	Sarawak	Tempat Kerja
3	Bandar Baru Kubang Kerian	Kelantan	Tempat Kerja
4	Jalan Tun Ismail	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Tempat Kerja
5	Jalan Kempas Satu	Johor	Tempat Kerja
6	Jalan Padu Industri	Johor	Tempat Kerja
7	Kampung Kelanang	Selangor	Komuniti
8	Jalan Kapitan	Sarawak	Komuniti
9	Kampung Tanjung	Terengganu	Komuniti

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

10 April 2021 @ 6.30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 10 APRIL 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	415 (3)	119,520
SABAH	131	55,670
JOHOR	80	42,240
WP KUALA LUMPUR	106 (2)	38,769
SARAWAK	296	19,558
NEGERI SEMBILAN	28	17,514
PULAU PINANG	101	17,450
PERAK	46	13,721
KEDAH	59	8,766
KELANTAN	171	7,021
MELAKA	6	6,704
PAHANG	13	4,498
TERENGGANU	44	3,723
WP LABUAN	2	2,407
WP PUTRAJAYA	10	1,219
PERLIS	2	337
JUMLAH KESELURUHAN	1,510 (5)	359,117

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 1,510 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 10 April 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 415 kes**

- 31 kes daripada kluster-kluster, termasuk 8 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Kelanang dan Kluster Industri Jalan Kebun**;
- 295 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Tiga (3) kes import dari luar negara; dan
- 86 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 296 kes**

- 26 kes daripada kluster-kluster, termasuk 3 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Kapitan dan Kluster Pujut Satu**;
- 189 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 81 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 171 kes**
 - 24 kes daripada kluster-kluster, termasuk 14 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bandar Baru Kubang Kerian**;
 - 108 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 39 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 131 kes**
 - 46 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 57 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 28 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 106 kes**
 - 8 kes daripada kluster-kluster, termasuk 7 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Tun Ismail**;
 - 54 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
 - 42 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 101 kes**
 - 28 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 28 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 45 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 80 kes**
 - 36 kes daripada kluster-kluster, termasuk 21 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Kempas Satu dan Kluster Jalan Padu Industri**;
 - 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 22 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 59 kes**
 - 17 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 25 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 17 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 46 kes**
 - 11 kes daripada kluster sedia ada;
 - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 11 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 44 kes**
 - 27 kes daripada kluster-kluster, termasuk 3 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Tanjung**;
 - 15 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 28 kes**
 - 5 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 11 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 13 kes**
 - 8 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 10 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 6 kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada;
 - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster sedia ada; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis: Dua (2) kes** daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan lapan (8) kes kematian pada 10 April 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1314	Selangor	Lelaki (WN)	56	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, jangkitan bawaan darah, buah pinggang kronik, dan Tuberkulosis
1315	Selangor	Lelaki (WN)	56	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
1316	Selangor	Lelaki (WN)	64	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis
1317	Sarawak	Lelaki (WN)	73	Hospital Sibu	Penyakit darah tinggi, dan dislipidemia
1318	Pahang	Lelaki (WN)	77	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Penyakit darah tinggi, kencing manis, dan dislipidemia
1319	Sarawak	Perempuan (WN)	83	Hospital Sibu	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, gout dan kanser
1320	Sarawak	Perempuan (WN)	72	Hospital Sibu	Penyakit darah tinggi, kencing manis, dan artritis
1321	Sarawak	Lelaki (WN)	48	Hospital Kapit	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, gout, jantung, strok, dan <i>hyperthyroidism</i> .

*WN merujuk kepada warganegara.

Perincian sembilan (9) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER INDUSTRI JALAN KEBUN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Klang dan Petaling di Selangor. Kluster ini dikenalpasti hasil saringan bersasar di tempat kerja yang melibatkan pekerja-pekerja industri yang terletak di *Techno Industrial Park*, Klang pada 7 April 2021. Sehingga 10 April 2021, sejumlah 111 individu telah disaring, di mana **35 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER PUJUT SATU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Miri di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-342522) dilaporkan positif COVID-19 pada 29 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes berlaku iaitu di Jalan Pujut 1, Miri. Sehingga 10 April 2021, sejumlah 116 individu telah disaring, di mana **24 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER BANDAR BARU KUBANG KERIAN

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Tumpat, Bachok, dan Kota Bharu di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-354429) dilaporkan positif COVID-19 pada 7 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah institusi kewangan yang terletak di Bandar Baru, Kubang Kerian, Kota Bharu dan kontak rapat kepada kes-kes positif COVID-19 dalam kluster ini. Sehingga 10 April 2021, sejumlah 344 individu telah disaring, di mana **34 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN TUN ISMAIL

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong, Titiwangsa, dan Cheras di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta daerah Petaling di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-347341) dilaporkan positif COVID-19 pada 2 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah perkhidmatan awam yang beralamat di Jalan Tun Ismail, Chow Kit, Kepong serta kontak rapat kepada kes-kes positif COVID-19 dalam kluster ini. Sehingga 10 April 2021, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER JALAN KEMPAS SATU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Muar di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 10 April 2021 hasil saringan bersasar di tempat kerja melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang perabot yang terletak di Jalan Kempas 1, Bukit Bakri, Muar. Sehingga 10 April 2021, sejumlah 279 individu telah disaring, di mana **8 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JALAN PADU INDUSTRI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-355043) dilaporkan positif COVID-19 pada 8 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Padu, Kawasan Perindustrian, Johor Bahru. Sehingga 10 April 2021, sejumlah 270 individu telah disaring, di mana **15 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER KAMPUNG KELANANG

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuala Langat di Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-352083) dilaporkan

positif COVID-19 pada 6 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes berlaku iaitu di Kampung Kelanang, Banting. Sehingga 10 April 2021, sejumlah 33 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN KAPITAN

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Marudi di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-343576) dilaporkan positif COVID-19 pada 30 Mac 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes berlaku iaitu di Jalan Kapitan, Marudi, Miri. Sehingga 10 April 2021, sejumlah 182 individu telah disaring, di mana **22 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER KAMPUNG TANJUNG

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuala Nerus dan Dungun di Terengganu serta daerah Pasir Puteh di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-353318) dilaporkan positif COVID-19 pada 6 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu Kampung Tanjung, Batu Rakit, Kuala Nerus. Sehingga 10 April

2021, sejumlah 273 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.